

Zakat bersih harta, hati orang miskin

Pembersihan harta dilakukan golongan berada dapat eratkan tali persaudaraan

Kedudukan zakat sebagai rukun Islam adalah satu tanggungjawab yang tidak boleh dipinggirkan. Sebagai rukun Islam ketiga, zakat adalah tunggak ekonomi umat Islam dan asas kepada pembangunan sosio-ekonomi secara global.

Sebelum ia difardukan, Rasulullah SAW mendidik umatnya menunaikan tanggungjawab sosial dalam bentuk sedekah mengikut kemampuan. Amal perbuatan pertama dituntut daripada seorang Mukmin adalah solat, kemudian zakat.

Daripada Ibnu 'Abbas, Rasulullah SAW bersabda: "Di saat Baginda mengutus Mu'adz ke Yaman, beliau bersabda kepadanya: Sesungguhnya kamu akan datang kepada suatu kaum dari ahli kitab, ajaklah mereka kepada syahadah bahawa tidak ada Rabb yang haq selain Allah dan bahawa aku adalah utusan Allah, apabila mereka mematuhi ajakanmu, maka katakanlah kepada mereka bahawa Allah mewajibkan atas mereka solat lima

waktu dalam sehari semalam, apabila mereka mematuhi ajakanmu maka katakan kepada mereka bahawa Allah mewajibkan sedekah yang diambil dari orang kaya daripada mereka dan diberikan kepada orang miskin daripada mereka."

Zakat membuktikan penyerahan diri individu Muslim kepada Allah SWT dengan menjalankan perintah diwajibkan ke atas mereka. Allah SWT menjelaskan bahawa menunaikan zakat adalah sifat Mukminin yang mendapat petunjuk.

Firman Allah SWT: "*Hanya yang memakmurkan masjid Allah ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada sesiapa pun) selain kepada Allah, maka merekalah orang yang diharapkan termasuk golongan orang yang mendapat petunjuk.*" (Surah at-Taubah, ayat 18)

Syukur terhadap nikmat

Ia membuktikan kesyukuran hamba ke atas nikmat dikurniakan. Mensyukuri nikmat kewajipan seorang Muslim dan Allah SWT menjanjikan nikmat orang yang bersyukur akan sentiasa bertambah.

Sebaliknya, mereka yang tidak bersyukur dan tidak membayar zakat,

akan menanggung azab pedih.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "*Dan (ingatlah juga), tatkala Rabbmu memaklumkan, Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih.*" (Surah Ibrahim, ayat 7)

AYAT AL-QURAN

"Dan (ingatlah juga), tatkala Rabbmu memaklumkan, Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih"

Surah Ibrahim
Ayat 7

membangunkan diri dan peribadi Mukmin daripada sifat tercela, iaitu kedekut atau bakhil.

Ibadah ini dapat membiasakan orang menjadi pemurah, melatih menunaikan amanat dan menyampaikan hak kepada pemiliknya. Apabila Muslim itu terlindung daripada sifat bakhil maka

dia akan berjaya membangunkan diri dan peribadi sebagai seorang Mukmin.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "*Dan siapa yang dipelihara daripada kekikiran dirinya, mereka itulah orang yang beruntung.*" (Surah al-Hasyr, ayat 9)

Zakat bersih harta

Selain dari itu, zakat juga berfungsi memersihkan harta yang dizakat. Harta yang masih ada kaitan dengan hak orang lain sebenarnya bersifat kotor dan harus dibersihkan. Jika hak orang itu sudah ditunaikan bererti harta itu dibersihkan.

Permasalahan ini diisytiharkan oleh Nabi Muhammad SAW sewaktu Baginda menjelaskan alasan kenapa zakat tidak boleh diberikan kepada keluarga Baginda, kerana zakat adalah kotoran harta manusia.

Bukan sekadar membangunkan diri pembayar zakat, zakat juga memersihkan hati orang miskin daripada hasad dan iri hati terhadap orang kaya.

Apabila orang fakir melihat kesenangan hidup orang lain, sedangkan mereka terpaksa memikul derita kemiskinan, keadaan ini menjadi sebab timbulnya rasa hasad, dengki, permusuhan dan kebencian dalam hati orang miskin kepada golongan kaya.

Perasaan ini tentulah melemahkan hubungan antara sesama Muslim, bahkan boleh memutuskan tali persaudaraan. Kewajipan zakat berupaya melahirkan rasa cinta, belas dan kasih sayang antara anggota masyarakat khususnya saudara seagama.



NIK SALIDA SUHAILA

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia